



15 APR, 2023

Jualan murah ayam, telur mulai hari ini di Selangor

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Jualan murah ayam, telur mulai hari ini di Selangor

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor menawarkan harga murah bagi ayam, telur, daging, beras dan minyak masak sempena Jualan Mega Ehsan Aidilfitri bermula hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam negeri, Izham Hashim berkata, program khas di 23 lokasi itu dilaksanakan me-

nerusi kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad.

Katanya, jualan itu menawarkan kuantiti barangan lebih banyak termasuk lebih 36,000 ayam berbanding penganjuran Jelajah Ehsan Rakyat.

"Jualan keseluruhan dianggar-

kan RM1.5 juta termasuk subsidi daripada kerajaan negeri berjumlah RM375,000.

"Subsidi itu akan disalurkan kepada tiga agensi berkenaan mengikut jumlah barangan yang dijual nanti," katanya ketika dihubungi semalam.

Jualan mega itu menjimatkan harga 30 peratus berbanding pasaran sedia ada dengan harga

ayam standard hanya RM10 sekor dan daging pejal segar RM35 per kilogram (kg).

Telur ayam Gred B pula ditawarkan dengan RM10 sepapan (30 biji).

Beras pula dijual hanya RM10 (pek 5kg) dan minyak masak (5kg) pada harga RM25.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS,

Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, program berkenaan merupakan kesinambungan Program JER yang dilaksanakan pihaknya sejak September tahun lalu.

"Justeru, kami berusaha mendapatkan stok produk segar yang lebih banyak bagi membantu meringankan beban rakyat B40 di Selangor," katanya.



15 APR, 2023

Jualan murah ayam, telur mulai hari ini di Selangor

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menawarkan harga murah bagi ayam, telur, daging, beras dan minyak masak sempena Jualan Mega Ehsan Aidilfitri bermula hari ini. Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam negeri, Izham Hashim berkata, program khas di 23 lokasi itu dilaksanakan menerusi

kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad. Katanya, jualan itu menawarkan kuantiti barangan lebih banyak termasuk lebih 36,000 ayam berbanding penganjuran Jelajah Ehsan Rakyat.